

29 MAY 1998

Sanusi-Universiti

KERAJAAN SETUJU DENGAN KONSEP UNIVERSITI DI PULAU TUBA

LANGKAWI, 29 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini berkata Kementerian Pendidikan bersetuju dengan konsep penubuhan Langkawi International University of Tomorrow di Pulau Tuba.

Bagaimanapun, lesen untuk universiti itu hanya akan dikeluarkan apabila kementerian menerima pelan perniagaan dan pelan akademik universiti itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Telekom Malaysia Berhad, di sini.

Sanusi berkata kerajaan negeri sudah menyiapkan pelan perniagaan itu manakala pelan akademik sedang disiapkan dengan bantuan beberapa wakil universiti.

Sehubungan itu, beliau berkata Kerajaan Negeri memperuntukkan sebidang tanah kira-kira 200 hektar di Pulau Tuba untuk membina universiti itu.

Tanpa menyebut tarikh pembinaan universiti berkenaan, beliau berkata kerajaan negeri tidak akan terburu-buru dalam usaha itu dan tidak mahu bersaing dengan institusi pengajian tinggi yang lain.

Sebelum ini, Sanusi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan nama universiti itu.

Sanusi berkata pihak swasta masih berpeluang memohon membangunkan universisti itu, yang akan menawarkan pengajian dalam bidang robotik, angkasalepas, kajian laut, pelancongan dan sukan.

"Kita akan adakan kursus-kursus peringkat ijazah lanjutan," katanya.

Pembinaan universiti itu ialah bagi membangunkan Pulau Tuba sebagai pulau ilmu dengan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik dan telekomunikasi.

-- BERNAMA

NH NAK